

# Cefuroxim STADA Film coated caplet

Cefuroxime axetil (250mg, 500mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Cefuroxim STADA
2. Bagaimana Cefuroxim STADA berfungsi
3. Sebelum mengambil Cefuroxim STADA
4. Cara menggunakan Cefuroxim STADA
5. Semasa menggunakan Cefuroxim STADA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Cefuroxim STADA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Cefuroxim STADA

Doktor telah memilih ubat ini yang sesuai dengan anda dan keadaan anda. Doktor telah mempreskripsi ubat ini kerana anda menghidapi:

- jangkitan saluran pernafasan: pneumonia, bronkitis akut, dan *acute exacerbations of chronic bronchitis*,
- jangkitan telinga, hidung dan tekak, seperti otitis media, resdung, tonsilitis, jangkitan saluran faringitis.
- Jangkitan saluran genitourinari: *pyelonephritis, cystitis* dan *urethritis*.
- Jangkitan kulit dan tisu lembut: *furunculosis, pyoderma, impetigo*.
- *Gonorrhoea, urethritis gonococcal, dan cervicitis*.

## Bagaimana Cefuroxim STADA berfungsi

Cefuroxime axetil yang terdapat dalam Cefuroxim STADA berasal daripada kumpulan ubat dikenali sebagai cephalosporin yang merupakan sejenis antibiotik.

Antibiotik ini membunuh bakteria atau kuman yang menyebabkan jangkitan.

## Sebelum mengambil Cefuroxim STADA

### - Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil Cefuroxim STADA jika anda pernah mengalami reaksi alergi yang teruk terhadap antibiotik yang dikenali sebagai cephalosporin atau alergi terhadap mana-mana ramuan

yang terdapat dalam Cefuroxim STADA. Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

### - Sebelum mengambil Cefuroxim Stada

Maklumkan doctor mengenai keadaan perubatan anda yang termasuk jika anda;

- mengalami reaksi alahan terhadap penicillins atau beta-lactams yang lain
- mempunyai masalah buah pinggang
- menghidapi penyakit gastrousus yang teruk
- sedang mengandung
- atau anda sedang menyusukan bayi kerana cefuroxime dijumpai dalam susu manusia

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain. Oleh sebab cefuroxime axetil boleh mempengaruhi fungsi sesetengah ubat lain. Sesetengah ubat lain juga boleh mempengaruhi fungsi cefuroxime axetil.

- Elakkan kombinasi cefuroxime dengan ubat yang meningkatkan pH perut.
- Jangan mengambil cefuroxime jika anda telah mengambil ubat untuk gout (probenecid).
- Penggunaan cefuroxime boleh menyebabkan keputusan positif ujian antibodi (ujian Coombs) yang palsu.
- Cefuroxime akan mempengaruhi keputusan ujian gula dalam air kencing dan darah.
- Cefuroxime boleh mengurangkan berkesanan pil pencegah kehamilan.
- Elakkan mengambil antibiotik seperti tetracyclines, macrolides atau chloramphenicol bersama cefuroxime axetil.

- Dos antibiotik cephalosporin yang tinggi perlu diberikan dengan berhati-hati kepada orang yang menerima ubat untuk meningkatkan kadar membuang air kencing (diuretic), ubat-ubat antibiotik aminoglycoside, atau ubat antikulat (amphotericin) kerana kombinasi ini meningkatkan risiko toksik

kepada sel-sel buah pinggang (*nephrotoxicity*).

## Cara menggunakan Cefuroxim STADA

### - Berapa banyak harus digunakan

Ambil ubat seperti mana yang diberitahu doktor anda. Label pada ubat biasanya akan memberitahu anda berapa banyak dan berapa kerap perlu diambil. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda. Dos biasa ialah: Dewasa: 250 mg dua kali sehari. Untuk jangkitan yang lebih teruk, dos biasa ialah 500 mg dua kali sehari.

### - Kanak-kanak

dos boleh berbeza bergantung kepada keterukan jangkitan. Kadang-kadang doktor anda mungkin perlu menambah dos ini. Untuk bayi dan kanak-kanak, doktor mungkin menyelaraskan dos mengikut berat dan umur. Dalam kes ini, doktor atau ahli farmasi anda akan memaklumkan anda dos yang betul yang perlu diambil.

### - Bila perlu digunakan

Sebelum atau selepas makan

### - Berapa lama perlu digunakan

Jangan melangkau dos atau berhenti mengambil Cefuroxim STADA walaupun anda mula berasa lebih sihat, sehingga anda menghabiskan rawatan yang dipreskripsi mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ubat ini mungkin tidak membunuh semua kuman dan anda mungkin mula berasa tidak sihat lagi.

### - Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa dos anda, jangan risau. Ambil kaplet sebaik saja anda mengingatinya, dan terus mengambil ubat seperti biasa.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika dengan tidak sengaja anda mengambil terlalu banyak kaplet, anda mungkin berasa kurang sihat. Maklumkan doktor secepat mungkin. Jika anda telah mengambil lebih kaplet daripada yang sepatutnya, dan terasa tidak sihat atau risau, hubungi doktor serta

# Cefuroxim STADA Film coated caplet

Cefuroxime axetil (250mg, 500mg)

merta atau pergi ke bahagian kemalangan di hospital terdekat. Bawa risalah ini atau ubat anda supaya pihak hospital tahu apa yang telah anda ambil. Cephalosporins yang berlebihan boleh menyebabkan sawan.

## Semasa menggunakan Cefuroxim STADA

### - Perkara yang perlu dilakukan

Mengambil Cefuroxim STADA dengan tepat sebagaimana yang dipreskripsi oleh doktor atau ahli farmasi anda sehingga anda telah manghabiskan rawatan yang dipreskripsi.

Telan seluruh kaplet dengan minuman air. Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak dapat menelan seluruh kaplet. Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda rasa keadaan anda tidak bertambah baik semasa anda mengambil Cefuroxim STADA. Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika kesan sampingan berlaku semasa anda mengambil Cefuroxim STADA.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan pecahkan, kunyahkan atau hancurkan caplet.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian.

Semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda:

- Mengalami cirit-birit yang teruk semasa atau selepas rawatan Cefuroxim STADA
- Sedang menggunakan antibiotik dalam tempoh yang berpanjangan, kerana ini akan menyebabkan penumbuhan organisme tidak sensitif yang melampau.

## Kesan-kesan sampingan

Ubat ini boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan berikut: Umum: Reaksi hipersensitiviti seperti merah dan gatal pada kulit.

Gastrousus: Keradangan pada usus besar menyebabkan cirit birit yang teruk, selalunya bersama darah dan lendir, sakit perut, demam. Keadaan darah (Hematologi): sel darah merah dimusnahkan dengan cepat, sel darah putih yang semakin menurun.

Masalah hati: keradangan pada hati, kekuningan pada kulit atau putih mata.

Sistem saraf badan (neurologi): sawan.

Masalah kulit: Hipersensitiviti (*Erythema multiforme*), masalah reaksi serius yang melibatkan kulit and membran mukus (*Stevens-Johnson syndrome*).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03- 78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*)

## Cara penyimpanan dan pelupusan Cefuroxim STADA

### - Penyimpanan

Lindungi daripada cahaya. Simpan di bawah 30°C. Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Jangan guna produk perubatan ini selepas tarikh luput yang dicetak pada blister dan kotak. Ubat tidak harus dilupus melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi bagaimana untuk melupuskan ubat yang tidak lagi diperlukan. Langkah ini akan membantu untuk melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Cefuroxim STADA dikenali sebagai kaplet bersalut film, berwarna putih atau putih kekuningan, bergores pada satu permukaan. Pada permukaan lain, Cefuroxim STADA 250mg Film coated caplet berukir "250" dan Cefuroxim STADA 500mg Film coated caplet terukir "500". Cefuroxim STADA dibungkus dalam blister aluminium/aluminium and dibungkus dalam kadbad (pek 10 caplet bersalut film).

### - Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif  
Setiap Cefuroxim STADA 250mg Film coated caplet mengandungi cefuroxime axetil bersamaan dengan cefuroxime 250mg Cefuroxim. Setiap

Cefuroxim STADA 500mg Film coated caplet mengandungi cefuroxime axetil bersamaan dengan cefuroxime 500mg.

Bahan tidak aktif  
Microcrystalline cellulose, maize starch, crocarmellose sodium, magnesium stearate, talc, hypromellose, polyethylene glycol, titanium dioxide.

### - Nombor MAL:

Cefuroxim STADA 250mg Film coated caplet: MAL12095075A  
Cefuroxim STADA 500mg Film coated caplet: MAL12095078A

## Pengilang

Pymepharco  
(*Pymepharco is a subsidiary of STADA Arzneimittel AG*)  
166-170 Nguyen Hue Str, Tuy Hoa City, Phu Yen Province, Vietnam

## Pemegang Pendaftaran Produk

Stadpharm Sdn. Bhd.  
E-9-01, Oasis Square,  
Ara Damansara  
No: 2, Jalan PJU 1A/7A  
47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

## Tarikh kemaskini RiMUP

03/12/2015

## Nombor Siri:

BPFK(R4/1)070915/00302